

24/03/1997

Perpaduan Islam agenda penting umat

Sut

DR MAHATHIR Mohamad sewaktu menerima Anugerah Antarabangsa Raja Faisal bagi 1997 di Riyadh semalam menegaskan: "Islam tidak menganjurkan umatnya menjatuhkan hukuman ke atas Muslim lain yang juga saudara seagama, mengganasi mereka, menghancurkan perpaduan, melemahkan mereka sehingga terpaksa bergantung kepada bukan Islam dan dipergunakan oleh musuh Islam."

Kita ikut sama mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri kita yang dipilih menerima anugerah itu kerana sumbangannya yang bermakna terhadap Islam. Kita mengharap semua rakyat Malaysia berbangga dengan anugerah yang diterima oleh Perdana Menteri itu kerana kita tahu anugerah berkenaan diberikan oleh sebuah yayasan yang amat berwibawa dan memang ditubuhkan untuk membangunkan Islam.

Tetapi kita berasa hairan juga kerana ada di kalangan rakyat Malaysia yang sehingga kini masih lagi tidak dapat menerima sumbangan yang diberikan oleh Perdana Menteri terhadap Islam walaupun sumbangannya sudah diiktiraf dunia.

Pemberian anugerah yang amat bernilai itu adalah bukti jelas penerimaan dunia terhadap sumbangan yang diberikan oleh Perdana Menteri terhadap Islam dan sekali gus menafikan tuduhan daripada penyokong parti tertentu terhadap kepimpinan Perdana Menteri.

Adalah sesuatu yang menghairankan apabila dunia sudah mengiktiraf sumbangan yang diberikan oleh Dr Mahathir, sedangkan ada pihak yang sepanjang masa ingin menafikan sumbangan yang diberikannya. Malah, segala dasar yang dibuatnya dikritik secara habis-habisan oleh parti berkenaan.

Sebagaimana yang ditegaskan berkali-kali oleh Dr Mahathir perpaduan umat Islam amat penting. Hanya dengan perpaduan sesuatu kumpulan itu menjadi kuat dan melalui kekuatan itulah kumpulan lain tidak akan berdaya mempermainkan Islam.

Dengan kekuatan juga pelbagai aktiviti dapat dilaksanakan bagi membangunkan umat Islam supaya menjadi lebih kuat. Apabila Islam kuat, dengan sendirinya bangsa lain akan menghormati Islam dan dengan begitu Islam boleh memberi sumbangan yang penting bagi tamadun dunia.

Kelemahan Islam kini adalah kerana tidak adanya perpaduan, ataupun perpaduan hanya kata yang diucapkan pada manis bibir tetapi tidak pernah dilaksanakan.

Di dalam negara kita sendiri, ada sesetengah negeri yang perpaduan Islamnya amat kurang disebabkan oleh kepercayaan kepada parti tertentu yang dilihat sebagai lebih penting daripada perpaduan umat Islam itu sendiri. Perpaduan Islam dilihat sebagai perpaduan parti tertentu sehingga kefahaman rakyat terhadap perpaduan Islam menjadi terpesong kepada kefahaman parti tertentu.

Lebih menyedihkan ialah apabila yang menjadi juara dalam hal ini adalah mereka yang dikatakan mempunyai pengetahuan Islam yang tinggi yang digelar ustaz atau tuan guru.

Memang tidak dapat kita menafikan adanya pelbagai parti tertentu di dalam negara kita kerana kita mengamalkan demokrasi yang membenarkan rakyat menubuhkan dan menyokong pelbagai parti. Namun rakyat haruslah diberikan kefahaman bahawa ada perbezaan yang besar antara perpaduan dalam parti dengan perpaduan umat Islam itu sendiri.

Oleh sebab perpaduan Islam difahamkan sebagai perpaduan parti, tidak sedikit peristiwa penyokong parti tertentu tidak menghadiri majlis yang dianjurkan oleh rakyat yang tidak menjadi penyokong parti itu. Lebih

menyedihkan ialah apabila guru agama yang mempunyai premis mengajar untuk menyebarkan Islam kepada rakyat juga tidak dapat membezakan antara aktiviti parti dengan aktiviti Islam.

Hal yang demikian tidak terelakkan menjadi punca perpecahan sehingga timbullah tuduh menuduh antara satu dengan yang lain sama ada yang berbentuk perseorangan, perkumpulan atau organisasi.

Malah di tempat tertentu, madrasah, surau atau masjid yang seharusnya menjadi tempat yang bebas bagi masyarakat Islam beribadat atau menjalankan aktiviti bagi memperkuatkan Islam dikaitkan dengan kumpulan tertentu atau dengan organisasi parti tertentu sehingga yang tidak menjadi penyokong parti itu, apatah lagi yang menentangnya atau yang menjadi penyokong parti lain, walaupun parti itu juga memperjuangkan Islam tidak diberikan tempat yang sewajarnya.

Jawatankuasa masjid yang seharusnya bebas daripada unsur parti politik dimasuki oleh unsur terbabit, malah secara halus dan bijaksana dipergunakan oleh parti tertentu untuk mengekalkan serta menambahkan penyokongnya dan akhirnya mengekalkan penguasaannya secara terus menerus.

Apabila berlaku hal yang sedemikian maka yang dikatakan oleh Perdana Menteri bahawa Islam tidak menganjurkan umatnya menjatuhkan hukuman ke atas Islam yang lain yang menjadi saudara seagamanya pun berlakulah sebaliknya.

Tuduh-menuduh dan fitnah kepada saudara Islamnya yang lain pun berlaku secara berleluasa. Hasilnya perpaduan menjadi longgar malah lebih menyedihkan lagi ialah berlakulah perpecahan. Akibat daripada perpecahan umat Islam memudahkan musuh Islam mengatur strategi bagi melemahkan Islam.

(END)